

Raya pilu mangsa banjir

Pengalaman sedih beraya dalam rumah transit pascabanjir yang panas, kecil dan tidak selesa di Kuala Krai, Kelantan



PENDUDUK Kampung Manek Urai sedih melihat kemusnahan kampung mereka ketika bah besar pada Disember tahun lalu.



HASMAH (kiri) bersama menantunya, Raja Tijah Raja Ismail membelah lemong di rumah transitnya di Kampung Manek Urai Lama, Kuala Krai baru-baru ini.

BAH besar yang melanda Kelantan pada Disember tahun lalu mengakibatkan trauma berterusan dengan kebanyakan mangsa banjir terutama di Kampung Manek Urai Lama di Kuala Krai terpaksa beraya di rumah transit yang kecil, panas dan sama sekali tidak selesa – tujuh bulan selepas banjir itu surut.

Meskipun menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam suasana pilu, kebanyakan mangsa yang rumah mereka dihanyutkan banjir kira-kira tujuh bulan lalu tetap bersyukur dan reda kerana kepulangan anak-anak dan cucu tetap mengubat kepiluan mereka walaupun mereka kini hanya

menghuni rumah kecil berkeluasan 50 meter persegi.

Seorang mangsa banjir, Hasmah Mat Soh berkata, kemeriahan hari raya pada tahun ini masih terasa kerana lima daripada enam orang anaknya pulang untuk berhari raya bersamanya.

Sebanyak 512 buah rumah transit dibina bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir di Kelantan setakat ini sementara menunggu rumah kekal bantuan kerajaan siap dibina.



HASMAH (kiri) bersama menantunya, Raja Tijah Raja Ismail membelah lemong untuk disajikan kepada tetamu di luar khemah yang menempatkan barang-barangnya di Kampung Manek Urai Lama, Kuala Krai baru-baru ini.



ABU BAKAR (kanan), Rokiah (kiri) dan seorang anak lelaki mereka Mohd. Rosli Rosdi menyambut hari raya secara ala kadar di Kampung Manek Urai Lama, Kuala Krai baru-baru ini.

Mangsa banjir di Manek Urai Lama bersyukur meraikan bulan Syawal

Beraya ala kadar di rumah transit

Oleh FIRDAUS HASSAN

KUALA KRAI – Lebaran kali ini mungkin tidak semeriah tahun lalu tetapi bagi mangsa-mangsa banjir di Kampung Manek Urai Lama di sini mereka tetap bersyukur dan reda kerana masih dapat menyambut hari raya dalam keadaan ala kadar di rumah transit.

Menurut Abu Bakar Osman, 49, beliau dan isterinya, Rokiah Mamat, 45, serta dua orang anaknya yang berusia 15 dan 18 tahun hanya menyambut hari raya dalam keadaan ala kadar selepas rumah mereka berhampiran Stesen Kereta Api Manek Urai dihanyutkan banjir besar pada 23 Disember tahun lalu.

“Tahun ini cukuplah sekadar

Rumah bagaikan dilanda tsunami

Luluh hati seorang suri rumah saksi kediaman hanya tinggal tapak selepas banjir. Hasmah berkata, dia dan suaminya, Raja Tijah Raja Ismail, terpaksa berpindah ke rumah transit di Kampung Manek Urai Lama, Kuala Krai, selepas rumah mereka dihanyutkan banjir besar pada 23 Disember tahun lalu. Hasmah berkata, dia dan suaminya terpaksa tinggal di rumah transit yang dibina oleh kerajaan negeri Kelantan. Dia berkata, dia dan suaminya terpaksa tinggal di rumah transit yang dibina oleh kerajaan negeri Kelantan. Dia berkata, dia dan suaminya terpaksa tinggal di rumah transit yang dibina oleh kerajaan negeri Kelantan.

Kediaman pusaka dihanyut arus deras. Kerajaan disaran.

membeli sehelai baju raya untuk setiap seorang (ahli keluarga). Kali ini, kami hanya sambut hari raya di rumah transit.

“Malah, tiada kuih raya pun kami buat. Hanya sekadar kuih yang dibeli di kedai untuk menjamu para tetamu pada hari raya,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Sebanyak 512 buah rumah transit dibina bagi menempat-

kan mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

Rumah transit berbentuk segi empat berkeluasan 50 meter persegi itu mempunyai sebuah bilik tidur dan dilengkapi bilik air. Ia dibina oleh pelbagai pihak antaranya pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta, kerajaan Kedah dan Terengganu untuk mangsa-mangsa banjir.

Abu Bakar berkata, beliau sekeluarga akan berpindah ke rumah kekal bantuan kerajaan yang terletak tidak jauh dari tapak rumahnya itu apabila ia siap dibina.

Dalam pada itu, bagi seorang warga emas, Hasmah Mat Soh, 63, kemeriahan masih terasa selepas lima daripada enam orang

anaknya pulang untuk berhari raya bersamanya.

“Kerajaan mahu pindahkan saya ke tempat yang lebih selesa tetapi saya tidak mahu kerana di tapak ini dahulu terdapat rumah pusaka peninggalan arwah ibu. Banyak memori di sini malah saya pun dilahirkan di rumah ini,” ujarnya.

Bercerita mengenai persiapannya, Hasmah berkata, dia dan anak-anaknya berkumpul sehari sebelum hari raya bagi membuat nasi himpit, tapai, nasi dagang untuk disajikan kepada para tetamu.


“Meskipun beraya di dalam rumah transit tetapi kepulungan anak-anak dan cucu-cucu ini turut memeriahkan suasana,” katanya.

INFO Banjir di Kelantan

- Melibatkan 151,072 orang yang dipindahkan akibat banjir yang bermula pada pertengahan Disember 2014.
- Kawasan yang terjejas ialah Kota Bharu, Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, dan Tanah Merah.
- Dikenali sebagai bah kuning.
- Hujan merupakan punca utama banjir kerana pada 21 hingga 23 Disember, Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan merekodkan taburan hujan sebanyak 1,295 meter yang bersamaan dengan taburan hujan bagi tempoh 64 hari.
- Sebanyak 1,827 buah rumah musnah dalam banjir itu.
- Kerajaan Negeri Kelantan menganggarkan jumlah kerosakan harta awam bernilai RM932.4 juta melibatkan bangunan kerajaan, hospital, balai polis dan jalan raya.



BANJIR besar yang melanda Manek Urai pada 24 Disember tahun lalu telah memusnahkan banyak rumah dan harta milik penduduk kampung.



BENTUK rumah transit yang dibina untuk mangsa-mangsa banjir tinggal buat sementara waktu di Manek Urai, Kuala Krai.